

## **DILEMA ANTARA PERBURUHAN DAN PERHAMBAAAN: ANALISIS REALITI DI LADANG SAPONG, BORNEO UTARA (1881-1941)**

*Labour and Slavery Dilemmas: An Analysis of Reality in Sapong Estate, North Borneo (1881-1941)*

**AMY AZUAN BIN ABDULLAH<sup>1</sup>**

*Program Sejarah, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah, Kota Kinabalu, Sabah*

*E-mel: amy\_azuan@yahoo.com*

*Tarikh Dihantar: Jun 2020 / Tarikh Diterima: November 2020*

### **Abstrak**

Ladang Sapong yang terletak di Residen Pedalaman, Sabah pada awalnya dibuka sebagai kawasan eksperimen ladang tembakau sekitar tahun 1905. Pengurus pertama ladang ini ialah Frank Edward Lease. Sekitar tahun 1916 sehingga 1921, Ladang Sapong menjadi antara ladang terbesar di Borneo Utara. Oleh itu, objektif makalah ini adalah untuk menganalisis sejarah persekitaran kerja para pekerja di Ladang Sapong semasa pentadbiran Syarikat Berpiagam Borneo Utara British (SBBUB) yang sering dikaitkan dengan persoalan bekerja sebagai buruh atau hamba. Sumber primer yang dirujuk sebagai perbincangan ialah dokumen dan surat-menyurat kolonial, akhbar, laporan tahunan pentadbir serta koleksi surat persendirian. Kajian mendapati bahawa buruh Jawa dan Cina yang bekerja di Ladang Sapong sekitar tahun 1910–1938 masih berada dalam keadaan yang daif. Walaupun pelbagai undang-undang buruh diperkenalkan, undang-undang tersebut sering dimanipulasi oleh majikan untuk melakukan berbagai-bagai penindasan terhadap buruh.

**Kata kunci:** Perburuhan, perhambaan, Ladang Sapong SBUB, Borneo Utara.

### **Abstract**

*Sapong Farm located in the Inland Residence; Sabah was originally opened as an experimental area of tobacco plantations around 1905. The first manager of this property was Frank Edward Lease. Around 1916 until 1921, Sapong Estate became one of the largest estates in North Borneo. Therefore, the objective of this paper is to analyze the history of the working environment of workers in Sapong farm during the administration of the British North Borneo Chartered Company (BNBCC) which is often associated with the question of working as a laborer or slave. The primary sources referred to as discussions were colonial documents and correspondence, newspapers, administrators' annual reports as well as the collection of private letters. The study found that Javanese and Chinese workers*

*who worked on the Sapong farm around 1910-1938 were still in poor condition. Although various labor laws were introduced, they were often manipulated by employers to inflict various oppressions on workers.*

**Keywords:** Labour, slavery, Sapong Estate, BNBC, North Borneo.

## PENDAHULUAN

Terdapat perdebatan yang luas berkenaan sistem perburuhan dan perhambaan berdasarkan aliran pemikiran yang berbeza khususnya semasa era buruh kontrak yang dikaitkan dengan "*new system of slavery*". Aliran Marxist misalnya berpandangan buruh di kawasan perladangan menjadi mangsa ketamakan pihak majikan kerana terpaksa menerima upah yang rendah, layanan yang teruk dan pelbagai insiden isu seksual khususnya terhadap buruh wanita. Namun, aliran pemikiran '*revisionist*', '*modernist*', '*imperialist*' dan '*colonialist*' seperti Stanley Engeman, Ralph Shlomowitz dan Pieter C. Emmer mencabar pandangan bahawa buruh kontrak merupakan kesinambungan terhadap sistem perhambaan. Meskipun tidak menolak terdapat persamaan di antara kedua-dua sistem perburuhan dan perhambaan, tetapi persamaan ini hanya memberi kesan terhadap kelompok minoriti buruh migran dan tidak menyeluruh kepada semua buruh khususnya buruh tempatan. Mereka berpandangan bahawa buruh migran bermigrasi disebabkan oleh kerelaan sendiri akibat pelbagai faktor penolak dan penarik bertujuan melangsungkan kehidupan lebih baik berbanding di tempat asal mereka. Namun, aliran '*revisionist*' dikritik kerana salah faham mereka terhadap mekanisme perundangan yang dikenakan terhadap buruh khususnya tentang *penal sanctions*, iaitu satu sistem perundangan yang membolehkan buruh dihukum apabila melakukan kesalahan mengakibatkan buruh terdedah kepada penindasan pihak majikan.<sup>1</sup>

Di Borneo Utara, keadaan ini salah satunya dapat dilihat dalam kes Ladang Sapong. Terdapat beberapa realiti dan kes yang berlaku sehingga membawa kepada siasatan secara menyeluruh oleh pihak *The Anti-Slavery & Aborigines Protection Society* (ASAPS). Secara ringkasnya, Stesen Sapong dibuka bertujuan sebagai kawasan eksperimen perladangan tembakau dan kapas dengan pegawai pertamanya J.M. Patteson.<sup>2</sup> Semasa era pentadbiran SBUB, penubuhan Ladang Sapong bermula setelah Frank Edward Lease (Pengurus Ladang Sapong yang pertama, 1909–1928) melalui perjanjian dengan SBUB melakukan penorehan pokok getah di bahagian Residensi Pedalaman pada tahun 1905. Dengan modal sebanyak £100,000, beliau telah memulakan usaha tanaman getah dan tembakau di kawasan Ladang Sapong.<sup>3</sup>

Menjelang tahun 1916 sehingga 1921, Ladang Sapong merupakan antara ladang terbesar bukan sahaja di Residensi Pedalaman, malahan di Borneo Utara. Petanda perkembangan pesat penanaman getah Ladang Sapong diperlihatkan menerusi pertambahan keluasan ladang dan peningkatan nilai keluaran getah antara tahun 1916 dan 1919. Faktor perkembangan pesat Ladang Sapong adalah disebabkan peningkatan pasaran permintaan getah, dasar dan galakan kerajaan, sistem pengangkutan yang efektif (perkhidmatan kereta api yang menghubungkan bahagian Pantai Barat dan Pedalaman) dan kemasukan buruh luar. Justeru, perbincangan lanjut berkisar perburuhan dan perhambaan Ladang Sapong akan dijelaskan sepenuhnya dalam makalah ini.

## **HASIL PERBINCANGAN**

Kecurangan dalam amalan perburuhan di Ladang Sapong dapat dilihat dari aspek kawalan dan layanan pihak pengurusan Ladang Sapong yang diuruskan oleh Frank Edward Lease (1905–1928). Ia merupakan antara yang terburuk dalam sejarah perladangan di Borneo Utara. Lease disifatkan sebagai *“quite brutal and ruthless in the treatment of labourers”*.<sup>4</sup> Beliau bukan sahaja menjadi hakim terhadap kesalahan yang dilakukan oleh buruh, malahan sewenangnyanya menjatuhkan hukuman kepada buruh tanpa usul periksa dengan melakukan hukuman sebat di khalayak ramai meskipun selepas tahun 1914, hukuman sebat hanya boleh dijalankan dengan kehadiran pegawai kerajaan dan doktor.<sup>5</sup> Hakikatnya, Lease masih menjalankan tindakan sedemikian sehinggalah beliau disingkirkan dari Borneo Utara pada tahun 1928. Kenyataan ini diperkukuhkan lagi dengan mengambil kira pandangan William, yang menyatakan bahawa:

*“On the Sapong estate I have seen these private estate Police frequently administer official magisterial floggings and have seen them at a nod from the Manager, Mr. Frank Edward Lease, brutally assault coolies by striking them in the face and knocking them down”*.<sup>6</sup>

Buruh-buruh tidak mendapat layanan yang baik semasa dipenjarakan. Rasion makanan yang dibekalkan oleh pihak pengurusan tidak mencukupi, malahan buruh-buruh tersebut turut mengalami penderaan yang dilakukan oleh polis ladang. Berkenaan *“private gaol”* yang ada di Ladang Sapong, William menambah:

*“...this private Gaol system was used for Industrial purposes. At the order of the Manager and/or Assistants coolies were incarcerated without previous Magistrate’s order. Many coolies spent long terms in the gaol during which time they were compelled to do estate work (Sundays and holidays included) under an armed Estate Policemen”*.<sup>7</sup>

Hal ini dikukuhkan lagi oleh pandangan John Ramsey Baxter yang menyatakan Lease sebagai:

*"The manager of an estates was a king pin which government really let them do more or less until this dutch inspector came out you were very right there were the law unto themselves."*<sup>8</sup>

Dalam kenyataan lain, Baxter menyatakan bahawa;

*"Yes, the hospital was always full and a lot of death and in the old days before time. Lease was manager of Sapong and was also a magistrate and hell all the cases and punish the labour for anything that was wrong."*<sup>9</sup>

Kegagalan pihak SBUB dalam menjalankan pentadbirannya melalui agenda terselindung ini dapat ditunjukkan melalui kes Lease yang begitu autonomi dalam perihal pengurusan ladangnya. Malahan, keadaan ini diburukkan lagi dengan keadaan Ladang Sapong yang terasing dari segi jarak dan kelemahan sistem jaringan komunikasi.<sup>10</sup> Hal ini demikian kerana kedudukan Ladang Sapong yang terletak jauh dari pusat pentadbiran di bahagian residensi Pedalaman merangkumi balai polis dan pihak pentadbir seperti Pegawai Daerah dan Penolong Pegawai Daerah. Akses ke kawasan Ladang Sapong yang mengambil masa sehingga tiga hari perjalanan darat menggunakan kereta lembu mengakibatkan lawatan oleh pihak berkuasa adalah terbatas, sekali gus mengakibatkan buruh khususnya sukar melakukan aduan terhadap pelbagai salah laku yang dilakukan oleh Lease.

Lease merupakan Pengurus Eropah yang mempunyai pengaruh kuat dalam kalangan pengurusan SBUB seawal sebelum kedatangannya ke Borneo Utara. Malahan, fail-fail kolonial dari tahun 1918 memperlihatkan pengaruh Lease dalam usahanya melobi hal-hal pengurusan tanah dan Ladang Sapong serta sikapnya yang mampu mempengaruhi pihak atasan melalui polisinya sendiri dalam mentadbir estet perladangan Sapong.

Buktinya, Lease pada tahun 1920-an berjaya menafikan permintaan Mr. R.B. Turner selaku Pegawai Pesuruhjaya Kehakiman berkenaan penubuhan sebuah Mahkamah Khas bagi Ladang Sapong yang telah pun diluluskan oleh Gueritz selaku Gabenor SBUB pada masa tersebut. Namun, keputusan tersebut digagalkan semula melalui "*privately approval*" oleh Gueritz atas permintaan Lease agar tiada mahkamah ditubuhkan, sekali gus mengakibatkan Turner memilih untuk bersara daripada jawatannya ketika itu. Turner merupakan Pegawai Kehakiman yang sedar akan tindakan penafian hak buruh yang dilakukan di Borneo Utara. Laporan kompeni menyatakan bahawa Turner "*does not pretend that labour is illtreated in North Borneo*". Dalam kenyataannya yang

diterbitkan oleh *Official Gazette* (kemudiannya dilaporkan di Akhbar Negeri-Negeri Selat) menjelaskan keadaan buruh sebagai;

*"...injustice and harshness to coolies were the chief cause of crime amongst them, into which he had been specially instructed to enquire; moreover, the event which led to resignation of office by Mr. Turner arose, as has been point out, from a case of unsatisfactory labour conditions, causing direct breaches of the Labour Law..."*<sup>11</sup>

Beberapa bentuk peraturan sendiri dilakukan oleh Lease. Pertama; memperuntukkan bahawa tiada wanita yang dibenarkan untuk mengandung dan kedua; mengarahkan orang tempatan untuk mengejar buruh yang melarikan diri dengan sejumlah bayaran. Keadaan sebegini dapat dilihat dalam bentuk kawalan buruh secara global seperti yang berlaku di kawasan teh perladangan Assam (1830-1947). Malahan, pelbagai persamaan juga dapat dilihat dari segi manifestasi penentangan melalui kes yang berlaku di kawasan perladangan teh Assam.<sup>12</sup> Peraturan Lease ini turut ditekankan oleh Hawson yang menjelaskan bahawa:

*"...If they took to the hills, he would send police after them to bring them back. Then, putting on his other hat as Magistrate, he would try them and pass sentence...He insisted that he stood in loco parentis to them and was entitled to protect himself against loss of labour entailed by pregnancy..."*<sup>13</sup>

Pada masa yang sama, Lease kerap menafikan dan tidak membenarkan buruh menyampaikan aduan kepada Pelindung Buruh, sedangkan Ordinan Buruh menyatakan bahawa buruh berhak untuk membuat aduan kepada majistret tempatan atau Pelindung Buruh. Majikan boleh disabit kesalahan yang membawa kepada hukuman jika didapati bersalah menghalang buruh untuk melakukan aduan.<sup>14</sup> Walau bagaimanapun, berdasarkan *The Labour Proclamation 1908*, aduan yang disampaikan oleh buruh hendaklah mempunyai asas atau bukti. Kegagalan mengemukakan bukti boleh mengakibatkan buruh didenda sehingga \$5 dolar.<sup>15</sup> Keadaan ini jelas menunjukkan ketidakadilan kurang menyebelahi buruh. Atas dasar kerisauan pemotongan upah dan tindakan kezaliman pihak ladang, terdapat kemungkinan buruh enggan menyampaikan aduan. Oleh hal yang demikian, adalah tidak menghairankan apabila Ladang Sapong pernah menjadi satu-satunya ladang yang sensasi khususnya apabila berlaku dakwaan tentang gejala penyelewengan dan salah laku oleh *The Anti-Slavery & Aborigines Protection Society (ASAPS)* pada tahun 1914–1920. Keadaan ini bukan berpunca dari aduan langsung oleh buruh, namun berdasarkan saksi pegawai-pegawai Eropah yang pernah bertugas di residensi Pedalaman.<sup>16</sup>

Namun, pada tahun 1928, Lease akhirnya disingkirkan dari Borneo Utara. Ia berikutan daripada lawatan ke Ladang Sapong yang dilakukan oleh Pegawai Belanda bersama Markaske, iaitu wakil Kerajaan Sabah serta Mr. Round Turner selaku Pegawai Polis Tenom. Mereka menghabiskan masa selama sehari untuk mendengar rungutan buruh berkenaan tindakan Lease yang menzalimi buruh. Namun, tidak kesemua aduan dapat disampaikan dengan telus oleh buruh. Berikutan daripada itu, tiga orang buruh kemudiannya mengejar Inspektor Belanda dengan mengambil risiko menyeberangi Sungai Padas dan kemudiannya menjelaskan realiti sebenar kezaliman yang dilakukan oleh Lease terhadap buruh Ladang Sapong. Aduan tersebut benar-benar mengejutkan Inspektor Belanda, mengakibatkan Lease kemudiannya disabitkan dengan pelbagai kesalahan. Lease disingkirkan dari Borneo Utara dan namanya telah dikemukakan ke *Common House*, London, atas alasan layanan buruk terhadap buruh.<sup>17</sup> Lease dikehendaki membayar denda yang berat, manakala hanya dua pembantu, salah satunya John Ramsey Baxter tidak dikenakan tindakan.<sup>18</sup>

### **Persoalan Mekanisme Perundangan dan Eksploitasi terhadap Buruh**

Bagi memastikan sistem perburuhan mampu digerakkan secara teratur, beberapa perundangan awal diperuntukkan oleh SBUB berpandukan kepada sistem yang digunakan oleh British di India dan menerima pakai undang-undang Negeri-Negeri Selat (NNS). Undang-undang pertama yang diguna pakai diadaptasikan daripada undang-undang *Indian Penal Code* dan *Indian Contract act* pada tahun 1881.<sup>19</sup> Kemudiannya, pada tahun 1883, sistem *Court of Law*<sup>20</sup> telah diperkenalkan termasuklah pengenalan kepada Ordinan Buruh yang merangkumi hal ehwal berkaitan kontrak dan perjanjian yang perlu dipatuhi oleh buruh. Namun demikian, keadaan ini tidak berpihak sepenuhnya kepada golongan buruh kerana pelbagai peruntukan yang terdapat dalam Ordinan Buruh misalnya berkenaan aspek kesihatan, fasiliti dan upah buruh sering kali diabaikan oleh pihak majikan ladang perladangan di Borneo Utara.

Sebagai contoh, berdasarkan laporan kesihatan ladang khususnya dari tahun 1896 sehingga tahun 1940, buruh berhadapan dengan pelbagai kesulitan dan kompilasi kesihatan yang memudaratkan akibat daripada kegagalan pihak majikan menyediakan fasiliti yang kondusif terhadap buruh. Buruh sering kali terdedah kepada sistem kebersihan yang tidak terjamin dari segi bekalan air minuman, tempat tinggal dan persekitaran ladang yang amat mendukacitakan. Keadaan ini tidak bermaksud bahawa SBUB tidak menyediakan peruntukan kebajikan dan kesihatan yang mencukupi terhadap buruh, namun keadaan ini disulitkan oleh keengganan sesetengah pihak majikan untuk mengimplementasikan peruntukan undang-undang yang disediakan. Hal ini ditambah lagi dengan perihal undang-undang yang tidak jelas dan berlaku

kekurangan yang sangat ketara khususnya merujuk kepada Ordinan Buruh 1908 dan 1916.

Dari segi upah buruh, realiti ini dilihat berdasarkan peruntukan upah yang diperuntukkan kepada buruh dan berbeza-beza mengikut kontrak yang dipersetujui. Berlaku keadaan upah yang tidak konsisten dari tahun ke tahun yang turut dipengaruhi oleh kesan kemelesetan ekonomi dunia. Dalam keadaan yang tenat, buruh dikawal melalui pemberian sistem upah. Keadaan ini dijelaskan melalui bentuk-bentuk pemotongan upah yang tidak rasional serta bebanan hutang yang tinggi. Berdasarkan kajian, nyata berlaku pelanggaran undang-undang berkenaan aspek ini. Ia termasuklah melalui tindakan melambat-lambatkan pembayaran upah dan kegiatan 'evil' yang dilakukan oleh sesetengah mandur ladang. Dari sudut yang lain, realiti kehidupan dan kawalan terhadap buruh juga diukur berdasarkan tugas kerja, peruntukan cuti, makanan dan kedai ladang. Berlaku pelbagai bentuk eksploitasi sama ada oleh pihak majikan, mandur dan pekedai ladang yang bertujuan untuk meningkatkan hutang buruh. Hutang antara lainnya boleh dimanipulasikan melalui penggunaan candu dan perjudian di Borneo Utara. Tidak terkecuali, realiti ini juga dapat dinilai berdasarkan peranan wanita dan kesannya terhadap buruh ladang lelaki di Borneo Utara. Ternyata, berlaku pelbagai bentuk ketirisan pada sistem perundangan dan kegagalan pengimplementasiannya secara berkesan mengakibatkan buruh terdedah kepada pelbagai bentuk eksploitasi oleh pihak pengurusan ladang.

### **Peranan The Anti-Slavery and Aborigines Protection Society (ASAPS)**

Pada tahun 1919, satu dakwaan telah dibangkitkan oleh ASAPS terhadap SBUB berkenaan ketidakwajaran layanan terhadap penduduk peribumi dan buruh di Borneo Utara. Walau bagaimanapun, hal ini dinafikan oleh SBUB atas alasan dakwaan yang dibuat tidak merujuk kepada saksi yang tepat dan menganggap kesemua dakwaan tersebut pada peringkat awal adalah tidak berasas. Namun, ketegasan ASAPS telah membawa kepada gesaan terhadap satu jawatankuasa siasatan penuh yang terbesar dalam sejarah perburuhan di Borneo Utara, diketuai oleh Gabenor Borneo Utara, A.C. Pearson dan Presiden SBUB, Mr. M.W. Elphinstone.<sup>21</sup>

Secara kronologinya, peranan yang dimainkan oleh ASAPS bermula ketika satu surat telah dihantar kepada Setiausaha Utama Seri Paduka Baginda Negara bagi pejabat kolonial, Viscount Milner berkenaan penyalahgunaan serius yang timbul di bawah pentadbiran SBUB di Borneo Utara. Perkara ini bermula sejak tahun 1914 lagi namun gagal dibangkitkan berikutan daripada peristiwa Perang Dunia Pertama. Dakwaan tersebut adalah berdasarkan

kepada inti sari penting berkenaan penyelewengan yang diterima pakai dalam layanan terhadap buruh oleh pihak pengurusan ladang dalam bentuk '*debt bondage*' ataupun 'ikatan hutang'. Ia berdasarkan dakwaan lisan dan bertulis yang dikemukakan oleh tiga saksi utama, iaitu Mr. R.B. Turner selaku mantan Pesuruhjaya Kehakiman di Borneo Utara, Mr. De La Mothe, mantan Pengurus Ladang dan Dr William selaku Pegawai Kesihatan Ladang.<sup>22</sup> Tuduhan-tuduhan ini adalah berkenaan kewujudan rumah pelacuran ladang, rumah perjudian, pengambilan komisen terhadap tindakan tidak bermoral oleh pihak ladang dan hukuman sebatan terhadap buruh dan sistem '*truck*' yang digunakan. Kesemua dakwaan ini kebanyakannya menjurus kepada keadaan yang berlaku bagi Ladang Sapong di bawah pengurusan Frank Edward Lease.<sup>23</sup>

Mr. De La Mothe selaku salah satu saksi dakwaan tersebut menyenaraikan empat bentuk penyalahgunaan yang berlaku dalam sistem pengurusan buruh di Borneo Utara. Dakwaan tersebut adalah seperti sedemikian:<sup>24</sup>

- i. Sistem perburuhan di Borneo Utara adalah berdasarkan kawalan 'ikatan hutang' dalam tempoh yang lama dan di luar kemungkinan untuk melakukan penebusan. Dengan itu, buruh terutamanya dari etnik Cina merupakan subjek kepada '*virtual slavery*'.
- ii. Hutang-hutang ini bermula seawal pengrekrutan buruh dan kemudiannya melambung secara mendadak melalui kewujudan rumah pelacuran dan perjudian di kawasan perladangan. Rumah pelacuran dianggap sangat penting kepada pihak ladang. Hutang ini juga melambung secara mendadak melalui sistem '*truck*' di kawasan kedai ladang melalui peruntukan rumah perjudian.
- iii. Kuasa kehakiman yang terlalu luas dan tidak sah dilakukan oleh sesetengah pihak Pengurus Ladang terhadap buruh atas alasan '*industrial purposes*.' Buruh dihukum dan dikenakan hukuman oleh Pengurus Ladang. Pihak ladang turut merekrut pasukan polis yang lengkap bersenjata revolver dan senapang selain sesetengahnya mempunyai penjara tersendiri dan menggunakan *pillory*.
- iv. Hukuman sebat merupakan salah satu contoh hukuman berat yang diterima oleh buruh ladang atas arahan pihak Pengurus Ladang. Kebiasaannya, ia melibatkan lebih 15 sebatan serta mengakibatkan kecederaan parah dan sesetengahnya mengakibatkan kematian. Hukuman ini selalunya dijalankan tanpa apa-apa pemantauan kesihatan seperti yang diwajibkan di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (NNMB).

Pihak SBUB bertanggungjawab bahawa tuduhan oleh ASAPS sebagai tidak adil kerana prejudis terhadap pengurusan Eropah yang berada di Borneo Utara dan berasaskan kepada saksi-saksi yang *bias* kepada pihak ASAPS sahaja.<sup>25</sup>



Namun, perkara ini turut menjadi satu isu yang penting dalam pentadbiran SBUB. Pada 12 Mac 1920, satu mesyuarat tergepar telah diadakan bersama-sama pengusaha ladang di kawasan pantai barat dengan memberikan fokus kepada, pertama; *'atrocities'* atau 'kekejaman' yang berlaku di Ladang Sapong, kedua; sistem rasuah yang diterima pakai dalam layanan terhadap buruh oleh pihak pengurusan ladang dalam bentuk *'debt bondage'* ataupun 'ikatan hutang', kewujudan rumah pelacuran ladang, rumah perjudian, kutipan hasil keuntungan berdasarkan aktiviti tidak bermoral dan hukuman sebat terhadap buruh dan sistem *'truck'*.

Pada 29 Mac 1920, satu lawatan terhadap Ladang Sapong telah dibuat dan diketuai oleh A.C. Pearson selaku Gabenor Borneo Utara dan Mr. Elphinstone selaku Presiden, bagi melakukan siasatan penuh terhadap dakwaan yang dilakukan oleh ASAPS. Lawatan dan siasatan ini dilakukan bersama-sama dengan iringan Mr. R.G.L. Horton selaku Pelindung Buruh dan Mr. W.C.M. Weedon selaku Residen Pedalaman dan mantan Pelindung Buruh. Lawatan tersebut turut diiringi oleh Frank Edward Lease selaku Pengurus Ladang Sapong bersama-sama Pegawai Perubatan Dr. G.G. Campbell yang telah dimaklumkan lebih awal berkenaan siasatan tersebut. Tinjauan dilakukan terhadap kedai ladang khususnya berkenaan harga, kualiti dan bekalan makanan utama seperti beras, ikan masin dan keperluan harian yang lain.<sup>26</sup>

Sebanyak 800 orang buruh ditemu bual. Pada mulanya, tiada seorang pun buruh yang berani tampil untuk menyampaikan aduan mengakibatkan hanya 13 orang buruh Jawa dan seorang buruh Murut dipilih dan dibawa ke pejabat Pelindung Buruh Ladang Sapong. Tiada buruh Cina yang tampil mengakibatkan empat orang buruh kemudiannya dipilih secara rawak untuk menyampaikan aduan mereka. Siasatan turut merangkumi tujuh orang buruh yang baharu sahaja dikenakan hukuman atas kesalahan melarikan diri dan seorang lagi buruh Jawa yang menjadi ahli kumpulan daripada 29 orang ahli yang menghilangkan diri selepas beberapa jam tiba di Ladang Sapong.<sup>27</sup> Secara keseluruhannya, siasatan awal merumuskan lapan perkara utama sedemikian:<sup>28</sup>

- i. Tiada bukti kekejaman berlaku di Ladang Sapong. Hanya beberapa kes serangan kecil oleh Pembantu Pengurus Ladang dan tandil namun gagal dibuktikan atas alasan ketiadaan saksi.
- ii. Tiada rumah pelacuran. Hanya terdapat dua orang wanita Jepun yang tinggal di sebuah rumah kecil berhampiran ladang.
- iii. Kes melarikan diri yang sangat tinggi. Pengurus Ladang memberi alasan bahawa ia disebabkan oleh jarak yang dekat antara Sapong dan sempadan Brunei selain tiada pemantauan serius khususnya melalui stesen kerajaan seperti pondok polis. Pengurus Ladang turut menjelaskan

bahawa kebanyakan kes melarikan diri adalah melibatkan buruh Jawa yang telah tamat kontrak dan melarikan diri setelah mendapatkan wang pendahuluan. Namun, siasatan bersetuju menyimpulkan bahawa kes melarikan diri yang tinggi disebabkan oleh '*rigid discipline*' yang dijalankan di Ladang Sapong.

- iv. Lebih banyak hukuman dijatuhkan sendiri oleh Pengurus Ladang berbanding kes yang dibicarakan di Mahkamah.
- v. Tiada penjara peribadi. Hanya 'penjagaan' satu malam oleh 'penjaga' ladang.
- vi. Terdapat rumah perjudian namun dipercayai tiada kaitan dengan Pengurus Ladang. Ia adalah perjudian yang sah oleh kerajaan dengan penyeliaan dan kawalan oleh residen.
- vii. Candu dijual di kedai ladang secara tunai namun penggunaannya rendah.
- viii. Buruh disediakan dengan makanan masak secara harian. Terdapat aduan tentang kekurangan bekalan beras oleh buruh Jawa dan penggantian terhadap gandum dan ubi keledak yang tidak digemari oleh buruh.

Kesimpulan terhadap tuduhan yang dikenakan oleh ASAPS terhadap Ladang Sapong berkenaan kekejaman yang berlaku, hukuman sebat yang tidak sah, kewujudan penjara, kewujudan rumah pelacuran dan penggunaan yang tinggi terhadap candu mendapati, "*were unable to discover any grounds for suspecting that any one of these abuses exists*".<sup>29</sup> Malahan, siasatan penuh oleh SBUB telah dibaca oleh Viscount Milner dan merumuskan bahawa "*Lordship does not propose to take any action in the matter*" sehinggalah terdapat bukti baharu dalam siasatan akan datang.<sup>30</sup>

Walau bagaimanapun, berdasarkan fakta kes siasatan yang dilakukan, ia memberi gambaran tentang keadaan sebenar yang berlaku bagi Ladang Sapong. Pelacuran mungkin berlaku secara tidak rasmi melibatkan wanita Jepun. Pada masa yang sama, berdasarkan realiti kehidupan buruh secara umum di Borneo Utara yang dijelaskan dalam bab sebelumnya, jelas membuktikan bahawa kawalan terhadap buruh sememangnya berlaku dalam bentuk-bentuk ikatan terhadap hutang yang dikelola oleh sesetengah kedai ladang, perjudian, aktiviti percanduan dan tindakan-tindakan lain yang dilakukan oleh pihak pengurusan ladang sama ada Pengurus, Pembantu dan mandur.

Kritikan dan dakwaan bagi Ladang Sapong khususnya tidak bersifat tuduhan semata-mata. Siasatan awal ini amat meragukan berikutan daripada fakta sedemikian. Pertama, tempoh masa yang panjang di antara dakwaan seawal tahun 1914 dan permulaan siasatan awal pada tahun 1920. Kedua, ketiadaan elemen '*surprise*'. Pihak pengurusan ladang telah mengetahui perihal masa lawatan dan siasatan terhadap Ladang Sapong, ketiga; siasatan

tidak menyeluruh dan hanya melibatkan beberapa orang buruh. Keempat, kemungkinan berlaku unsur ugutan terhadap buruh Cina bagi Ladang Sapong.

Namun begitu, dakwaan dan gesaan pihak ASAPS ini sebenarnya telah memberi kesan terhadap langkah perlindungan buruh secara menyeluruh di Borneo Utara. Atas desakan yang dilakukan, SBUB melalui A.C. Pearson selaku Gabenor Borneo Utara dan Mr. Elphinstone selaku Presiden serta beberapa ahli jawatankuasa yang terdiri daripada Residen yang dilantik telah menubuhkan satu jawatankuasa khas bagi menyasiat kedudukan buruh di Borneo Utara. Setidak-tidaknya, ia memberi kesan terhadap kesedaran terhadap perlunya pemantauan secara berkala melibatkan pihak-pihak yang mempunyai autoriti tertinggi dalam pengurusan buruh ladang perladangan. Tindakan ASAPS telah memberi kesan terhadap pindaan terhadap hukuman sebat terhadap buruh di Borneo Utara.

## **KESIMPULAN**

Perdebatan tentang perburuhan dan perhambaan sebenarnya mempunyai konotasi yang luas khususnya berdasarkan beberapa aliran pemikiran yang berbeza. Mekanisme perundangan yang dianggap bertujuan melindungi buruh sering kali gagal dipatuhi dan disalah tafsir bertujuan untuk mengeksploitasi golongan buruh yang bekerja di ladang perladangan. Dalam tempoh tahun 1881–1941, Ladang Sapong jelas menggambarkan sebagai salah satu kawasan yang memperlihatkan keadaan ini di Borneo Utara. Penindasan dan kezaliman yang berlaku melalui pelbagai realiti dan kes penentangan yang berlaku jelas menunjukkan bahawa terdapat ruang dalam membincangkan tentang perburuhan dan perhambaan di Borneo Utara.

## **NOTA**

- <sup>1</sup> Keterangan lanjut, sila rujuk, De Silva, M. "Javanese Indentured Labourers in British North Borneo, 1914-1932", dalam *Tesis Kedoktoran*, hlm. 28-32, lihat juga, Tinker, H., *A New System of Slavery: The Export of Indian Labour Overseas, 1830-1920*, London: Oxford University Press, 1974. Juga lihat, Engerman, S.L., "Contract Labor, Sugar and Technology in the Nineteenth Century", *Journal of Economic History*, lihat juga, Emmer, P., "Was Migration Beneficial?" dlm. Jan Lucassen and Lucasses (ed.), *Migration, Migration History, History: Old Paradigms and New Perspectives*. Juga lihat, Allen, R., "Review Essay. Indentured Labour and the Need for Historical Context", *Historian*.
- <sup>2</sup> Black, I.D., *A Gambling Style of Government, The Establishment of The Chartered Company's Rule in Sabah, 1878-1915*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, (1983).
- <sup>3</sup> Lind, A.R., *Daily Express*, 'An estate where life was good but harsh for some', 25 Julai 1993.
- <sup>4</sup> ANS: Lind, A.R., *Daily Express*, "An Estate where Life Was Good but Harsh for Some", 25 Julai 1993. Lebih lanjut berkenaan realiti pengurusan Estet Sapong, sila lihat Koleksi Surat Persendirian, John Ramsey Baxter; ANS/KSP/JRB/T/12/1, Oral History Documentation Programme: An

interview with Datuk John Ramsey Baxter by Puan Joanna Kiskey, Deputy Director of Sabah Museum and State Archives on the early History of Tenom and his life as one of the former Manager of Sapong Estate; ANS/KSP/JRB/T/12/2, An interview of Datuk John Ramsey Baxter "Tales from South China Sea", Transcribed from a tape recorded by the BBC London acquired from the Imperial War Museum London; ANS/KSP/JRB/T/12/3, Life in Kemabong; ANS/KSP/JRB/T/12/4, Short Personal History of Sapong Estate; ANS/KSP/JRB/T/12/5, Early Days in Sabah; ANS/KSP/JRB/T/10/4/1, A Tribute to Ramsey Baxter; ANS/KSP/JRB/T/10/2/1, The Grand Old of Tenom; ANS/KSP/JRB/T/10/3/1, Obituary: Datuk John Ramsey Baxter.

- <sup>5</sup> Black, I.D., *A Gambling Style of Government, The Establishment of Chartered Company Rule in Sabah, 1878-1915*, hlm. 211.
- <sup>6</sup> PRO: CO531/13, Despatches, Offices and Individuals, 1919, surat John Pryce William kepada Pesuruhjaya Sumpah, 1 Oktober 1919.
- <sup>7</sup> *Ibid.*
- <sup>8</sup> ANS: KSP/JRB/T/12/1, Oral History Documentation Programme: An interview with Datuk John Ramsey Baxter by Puan Joanna Kiskey, Deputy Director of Sabah Museum and State Archives on the early History of Tenom and his life as one of the former Manager of Sapong Estate, 3 Mac 1988, Kg. Chinta Mata, Tenom, Sabah.
- <sup>9</sup> ANS: KSP/JRB/T/12/1, Datuk John Baxter, Transkrip dari pita yang dirakamkan oleh *BBC London* yang diperoleh dari Muzium Perang, London, hlm. 7.
- <sup>10</sup> Dari segi jaringan pengangkutan misalnya, laluan kereta api pada masa tersebut hanya dari Jesselton-Beaufort, Beaufort-Tenom. Laluan Beaufort-Tenom hanya selesai dibuka pada tahun 1916. Sebelumnya, estet hanya menggunakan khidmat kira-kira 100 orang buruh Cina untuk memungkah segala bekalan beras, barang-barang dan hasil tembakau sama ada untuk dibawa ke Tenom atau luar kawasan. Sebagai alternatif lain, satu-satunya jaringan perhubungan yang digunakan oleh pihak estet adalah melalui laluan sungai dengan menggunakan feri yang disediakan oleh Estet Sapong. Dalam masa yang sama, Estet Sapong juga berperanan sebagai pelopor kepada pembukaan laluan darat yang menghubungkan Sapong dan Tenom Lama. Laluan darat ini hanya boleh dilalui setelah mendapat kebenaran pihak Pengurus Estet Sapong. Kereta lembu (*bulletcart*) merupakan satu-satunya pengangkutan yang menggunakan laluan darat semasa Frank Edward Lease menjadi Pengurus Estet Sapong. Situasi berkenaan sistem perhubungan dan pengangkutan bagi Estet Sapong-Tenom Lama dijelaskan sedemikian oleh John Ramsey Baxter, "*The Sapong-Tenom road was made by the estate. No nobody could use it unless we gave permissions and the transport is by bulletcart. Maintenance very cheap, as transport was by 12 bullock carts with Dunlop equipment, each driver having 4 bullocks, transporting barang to the ferry at Tenom Lama and firewood for the smokehouses in the mornings and latex in the afternoon.*"
- <sup>11</sup> ANS: Despatches, Governor to Chairman 1920, *The Anti-Slavery and Aborigines Protection Society*, London, 5 Februari 1920.
- <sup>12</sup> Penanaman teh di Brahmaputra atau Assam telah dijalankan di beberapa kawasan seperti bahagian Lakhimpur, Sibsagar, Nowgong, Darrang dan Kamrup, manakala di kawasan Surma, penanaman teh dijalankan di bahagian Cachar dan Sylhet. Lebih lanjut, lihat; Varma, N., *Coolie Strikes Back, Collective Protest and Action in the Colonial Tea Plantations of Assam, 1889-1920*, dalam *The Indian Historical Review* (33), hlm. 259-287. Lihat juga, Percival, G., *History of the Indian Tea Industry*, London: Weidenfeld & Nicholson, 1967, juga lihat, Antrobus, H.A., *A History of the Assam Company*, Edinburgh: T. and A. Constable Ltd, 1957. Dari segi kawalan, terdapat Pengurus Ladang teh di Assam mengenakan kawalan yang ketat kepada buruh khususnya bagi mengelakkan kejadian kes buruh melarikan diri. *Chowkidars* (pengawal atau polis estet) mengekalkan tinjauan tegas terhadap buruh di kawasan kongsi, manakala "*savage hill men*" diberikan tugas khas untuk mengesan dan mencari buruh yang telah melarikan diri dengan upah bayaran lima *rupees* bagi setiap buruh yang ditangkap. Bayaran ini dibuat berdasarkan potongan upah terhadap setiap seorang buruh yang melarikan diri. Anjing turut digunakan untuk menjejaki buruh. Lebih malang lagi, buruh yang berjaya ditangkap akan diikat dan dikenakan hukuman sebatan sehingga mengakibatkan kecederaan parah dan mengakibatkan kematian. Lebih lanjut, sila rujuk, Behal, R.P., "Power Structure, Discipline, and Labour in Assam Tea Plantations under Colonial Rule", dalam *Coolies, Capital and Colonialism: Studies in Indian Labour History*, hlm. 159.

- <sup>13</sup> *Letters from Melalap*, hlm. 5.
- <sup>14</sup> Macaskie, C.F.C., *Journal of Comparative Legislation and International Law* (3rd Series), hlm. 209-210.
- <sup>15</sup> Pindaan pada *Ordinan No. 9 Of 1916* menetapkan bahawa kegagalan mengemukakan asas aduan mengakibatkan buruh boleh didenda sehingga \$10 dolar. Keterangan lanjut, sila rujuk, ANS: *Official Gazette, Ordinan No. 9 of 1916*, 28 Ogos 1916.
- <sup>16</sup> Tuduhan ini sebenarnya mula dibangkitkan menjelang tahun 1914 melalui dakwaan lisan yang disampaikan oleh tiga saksi utama iaitu Mr. R.B. Turner selaku mantan Pesuruhjaya Kehakiman di Borneo Utara, Mr. De La Mothe selaku mantan Pengurus Estet di Borneo Utara dan Dr. William selaku mantan Pegawai Kesihatan Estet. Antara dakwaan tersebut adalah; Kuasa kehakiman yang terlalu luas dan tidak sah dilakukan oleh sesetengah pihak Pengurus Estet terhadap buruh atas alasan 'industrial purposes. Buruh dihukum dan dikenakan hukuman oleh Pengurus Estet. Pihak estet turut merekrut pasukan polis yang lengkap bersenjata revolver dan senapang selain sesetengahnya mempunyai penjara tersendiri dan menggunakan *pillory*. Keterangan lanjut, sila rujuk, PRO: CO531-13, DOI 1919, 29 Oktober 1919 & 15 September 1919.
- <sup>17</sup> ANS: KSP/JRB/T/12/1, Oral History Documentation Programme: An interview with Datuk John Ramsey Baxter by Puan Joanna Kiskey, Deputy Director of Sabah Museum and State Archives on the early History of Tenom and his life as one of the former Manager of Sapong Estate, 3 Mac 1988, Kampung Chinta Mata, Tenom, Sabah.
- <sup>18</sup> ANS: KSP/JRB/T/12/4, John Ramsey Baxter, "Short personal history of Sapong Estate".
- <sup>19</sup> *British North Borneo Herald*, 1 Mac 1884, hlm. 1-2.
- <sup>20</sup> Treacher to Alcock, Governor"s Despatch, *Official Gazette*, 5 Julai 1883, hlm. 154.
- <sup>21</sup> PRO: CO531-14, DOI 1920," Allegations Against the Administration of The British North Borneo Company", 3 April 1920.
- <sup>22</sup> PRO:CO531-13, DOI 1919, 29 Oktober 1919, disampaikan oleh Traver Buxton selaku Setiausaha *The Anti-Slavery & Aborigines Protection Society*.
- <sup>23</sup> PRO: CO531-14, DOI 1920," Allegations Against the Administration of The British North Borneo Company".
- <sup>24</sup> PRO: CO531-13, DOI 1919, 29 Oktober 1919 & 15 September 1919.
- <sup>25</sup> PRO: CO531-14, DOI 1920," Allegations Against the Administration of The British North Borneo Company", Minute by president of British North Borneo Chartered Company.
- <sup>26</sup> PRO: CO531-14, DOI 1920," Allegations Against the Administration of The British North Borneo Company", Annexure E, 8 April 1920.
- <sup>27</sup> PRO: CO531-14, DOI 1920," Allegations Against the Administration of The British North Borneo Company", Annexure E, 8 April 1920.
- <sup>28</sup> PRO: CO531-14, DOI 1920," Allegations Against the Administration of The British North Borneo Company", Annexure E, 8 April 1920.
- <sup>29</sup> PRO: CO531-14, DOI 1920," Allegations Against the Administration of The British North Borneo Company", Annexure E, 8 April 1920.
- <sup>30</sup> PRO: CO531-14, DOI 1920," Allegations Against the Administration of The British North Borneo Company", Colonial Office to the Anti-Slavery and Aborigines Protection Society, 24 Ogos 1920, disediakan oleh G. Grindle.

## **RUJUKAN**

### **Sumber Arkib**

- Colonial Office 648, British North Borneo (Sabah) Sessional Papers, CO648/7, Administration Reports, 1914–1916.
- Colonial Office 648, British North Borneo (Sabah) Sessional Papers, CO648/14, Administration Reports, 1924–1929.
- Colonial Office 874, North Borneo Company, CO874/475, Diary Reports, 1911–1914.

- Colonial Office 874, North Borneo Company, CO874/511, Disturbances, 1921–1941. Hansard, HC Deb. Vol. 149. c 861. Chinese Labour in British North Borneo. 17 July 1905. [hansard.millbanksystems.com](http://hansard.millbanksystems.com).
- Hansard, HC Deb. Vol. 150. cc 1334-5. Treatment of Chinese Coolies in British North Borneo. 2 August 1905. [hansard.millbanksystems.com](http://hansard.millbanksystems.com).
- KSP/JRB/T/10/2/1, The Grand Old of Tenom.
- KSP/JRB/T/10/4/1, A Tribute to Ramsey Baxter.
- KSP/JRB/T/12/1, John Ramsey Baxter.
- KSP/JRB/T/12/2, An interview of Datuk John Ramsey Baxter "Tales from South ChinaSea", Transcribed from a tape recorded by the BBC London acquired from the Imperial War Museum London.
- KSP/JRB/T/12/3, Life in Kemabong.
- KSP/JRB/T/12/4, John Ramsey Baxter. "Short personal History of Sapong Estate".
- KSP/JRB/T/12/5, Early Days in Sabah.
- North Borneo Central Archives, No. 1016, Conditions of Labour in Colonies, Protectorate, etc.
- North Borneo Central Archives, No. 1049, Labour Trouble.
- North Borneo Central Archives, No. 1119, Javanese Labourers Memo R.E. Recruits Through A.D.E.K. Medan Office Secretariat.
- North Borneo Central Archives, No. 1135/34, Labour Employment of Natives by Estates Importers of Javanese Labour Association.
- North Borneo Central Archives, No. 1144/28, Report on Tour of Inspection.
- North Borneo Central Archives, No. 1186, Labour Ordinance, 1936.
- North Borneo Central Archives, No. 1245, System of Advances to Labour.
- North Borneo Central Archives, No. 1247, Protectorate Inspection Reports on Places of Labour.
- North Borneo Central Archives, No. 1397, Riots, Strikes and Disturbances Report of 1911–1940.
- North Borneo Central Archives, No. 19, Protector Mr. Sturdee's Second Round of Official Visits.
- North Borneo Central Archives, No. 465, Report on Tour of Inspection.
- North Borneo Central Archives, No. 585, Health and Mortality Return Half Yearly, 1934–1941.
- North Borneo Central Archives, No. 873, Conditions of Labour, Health, Etc, Protector.
- North Borneo Central Archives, No. 906, Asst. Holman, Treatment of Javanese Labourers. Official Gazette for The State of North Borneo, 1890–1933.
- Straits Times Weekly Issue*. 1890. "Labour Complaints in British North Borneo". 25 June: 7. [eresources.nlb.gov.sg](http://eresources.nlb.gov.sg).
- The Straits Times*. (1903). "Flogging Coolies, Incident in British North Borneo" 31 Januari: 3. Lee Kong Chian Reference Library. [eresources.nlb.gov.sg](http://eresources.nlb.gov.sg).
- The Straits Times*. (1926). "Notes from North Borneo". 30 Jun: 15. [eresources.nlb.gov.sg](http://eresources.nlb.gov.sg).

## Sumber Sekunder

- Behal, R.P., & Van Der Linden, M. (2006). *Coolies, Capital and Colonialism: Studies in Indian Labour History*. Australia: Cambridge University Press.
- Behal, R.P., et al. (1992). The Rise and Fall of the Indenture System in the Assam Tea Plantation, 1840–1908. *Plantations, Proletarians and Peasants in Colonial Asia*. United States of America: Frank Cass.

- Black, I. D. (1983). *A Gambling Style of Government, the Establishment of the Chartered Company's Rule in Sabah, 1878–1915*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Cleary, M. C. (1992). Plantation Agriculture and the Formulation of Native Land Right in British North Borneo, 1880–1930. *The Geographical Journal*. Vol. 158. (2). Julai. The Royal Geographical Society (with the Institute of British Geographers).
- Cook, O. (1991). *Borneo: The Stealer of Hearts*. Kota Kinabalu: Borneo Publishing Company.
- De Silva, M. (2009). Javanese indentured Labourers in British North Borneo, 1914–1932. Tesis Kedoktoran (tidak diterbitkan). London: School of Oriental and African Studies. University of London.
- De Silva, M. (2012). Wanita di estet perladangan: Kajian kes di Borneo Utara (1914–1932). *Wanita dan Masyarakat*. (Ed). Johor: Penerbit UTHM.
- Ewick, P.S., & Susan, S. (2014). *The Common Places of Law: Stories from Everyday Life*. United States of America: University of Chicago Press.
- Gonzales, J.M. (1995). Resistance Among Plantation Worker in Peru, 1870–1920. Dlm. Turner, M., (Ed.). *From Chattel Slaves to Wage Slaves: The Dynamics of Labour Bargaining in the Americas*. Jamaica: Ian Randle Publishers.
- Hinks, P. P. dan Mc Kivigan, J. R. (2007). (Ed.), *Encyclopedia of Anti-Slavery and Abolition*. Vol. 2. California: Greenwood Publishing Group.
- Hoefte, R. (1998). *In Place of Slavery: A Social History of British Indian and Javanese Labourers in Suriname*. United States of America: University Press of Florida.
- John, D. W. & Jackson, J. C. (1973). The Tobacco Industry of North Borneo: A Distinctive Form of Plantation Agriculture. *Journal of Southeast Asian Studies*. Vol. IV. (1).
- Kaur, Amarjit. (1994). 'Hantu' and Highways: Transport in Sabah 1881–1963. *Modern Asian Studies*. Vol. 28(1).
- Kaur, A. (2004). *Wage Labour in Southeast Asia Since 1840, Globalisation, the International Division of Labour and Labour Transformations*. New York: Palgrave Macmillan.
- Khazrin Mohd Tamrin. (1988). Orang Jawa di Borneo Utara: Satu Nota Awal. *Jebat*. Vol. 16. Kuala Lumpur: Universiti Kebangsaan Malaya.
- Kolchin, P. (1987). *Unfree Labor, America Slavery and Russian Serfdom*. United States of America: Harvard University Press.
- Konnings, P. (1993). *Labour Resistance in Cameroon: Managerial Strategies & Labour Resistance in the Agro-Industrial Plantations of the Cameroon Development Corporation*. London: James Currey Publishers.
- Leong, C. (1982). *Sabah: First 100 Years*. Kuala Lumpur: Percetakan Nan Yang Muda Sdn. Bhd. *Letters from Melalap*, The Planter, February-December 1981. The Incorporated Society of Planters.
- Lindblad, T. J. (1999). Coolies in Deli: Labour Conditions in Western Enterprise in East Sumatra, 1910–1938. Dlm. Houben, V.J.H., & Lindblad, T. J. *Coolie Labour in Colonial Indonesia: A Study of Labour Relations in the Outer Islands, 1900–1940*. Germany: Otto Harrassowitz Verlag.
- Lisa, Y. (2008). *The Coolie Speaks, Chinese Indentured Labourers and Africa Slaves of Cuba*. United States of America: Temple University Press.
- Massey, A. (2006). *The Political Economy of Stagnation British North Borneo Company, 1881–1946*. Kota Kinabalu: Arkib Negeri Sabah.
- Mishra, D. K. et al. (2012). *Unfolding Crisis in Assam's Tea Plantation, Employment and Occupational Mobility*. United Kingdom: Routledge.
- Noin, J. (2017). Perkembangan Penanaman Getah di Sabah, 1892–1941. *Jurnal Sejarah*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

- Ramachandran, S. (1994). *Indian Plantation Labour in Malaysia*. Kuala Lumpur: S. Abdul Majeed & Co.
- Ramasamy, P. (1992). Labour Control and Labour Resistance in the Plantations of Colonial Malaya. Dlm. Daniel, Valentine E. et al. (Ed.). *Plantations, Proletarians and Peasants in Colonial Asia*. London: Frank Cass.
- Richard, A. L. (1993). An Estate Where Life Was Good but Harsh for Some. *Daily Express*. 25 Julai.
- Richard Baxter. 72 Tahun. Waris generasi kedua Pengurus Estet Sapong, John Ramse Baxter. Temu bual pada Disember 2014 di kediaman beliau, Kampung Chinta Mata.
- Rodriguez, J.P., (2011). (Ed.), *Slavery in the Modern World: A History of Political, Social and Economic Oppression*. England: ABC-CLIO.
- Rutter, O. (2008). *British North Borneo. An Account of its History, Resources and Natives Tribes*. Kota Kinabalu: Opus Publications.
- Scott, J. C., & Tria Kerkvliet, B. J., (Ed.). (1986). *Everyday Forms of Peasant Resistance in South-East Asia*. London: Frank Cass.
- Stoler, L. A. (1995). *Capitalism and Confrontation in Sumatra's Plantation Belt, 1870–1979*. London: The University of Michigan Press.
- Sundaram Kwame, J. (1988). *A Question of Class, Capital, the State and Uneven Development in Malaya*. New York: Monthly Review Press.
- Takaki, R. (1983). *Pau Hana, Plantation Life and Labor in Hawaii*. United States of America: University of Hawaii Press.
- Tiffen, M. dan Mortimore, M. (1990). *Theory and Practice in Plantation Agriculture: An Economic Review*. London: Overseas Development Institutes.
- Tregonning, K.G. (1958). *Under Chartered Company Rule in North Borneo 1881–1946*. Singapore: University of Malaya Press.
- Varma, N. (2006). Coolie Strikes Back: Collective Protest and Action in the Colonial Tea Plantation of Assam, 1880–1920. *The Indian Historical Review* (33). India: Vikas Publishing House.
- Voon, P. K. (1976). *Western Rubber Planting Enterprise in Asia 1876–1921*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Whelan, F.G. (1968). *A History of Sabah*. Singapore: Heinemann Educational Books.
- Wong Tze Ken, D. (1998). *The Transformation of an Immigrant Society. A Study of the Chinese of Sabah*. London: Asean Academic Press.
- Wong Tze Ken, D. (2004). *Historical Sabah: Community and Society*. Kota Kinabalu: Natural History Publications (Borneo).
- Wong Tze Ken, D. (2005). *Historical Sabah: The Chinese*. Kota Kinabalu: Natural History Publications (Borneo).